



## OPS SANITASI AWAM DI ZOO NEGARA



Pada 17 April 2020, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjalankan operasi sanitasi awam di Zoo Negara, Ampang. Operasi ini dijalankan sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19. Turut sama hadir semasa operasi ini berlangsung ialah Dato' Seri Ismail Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Dato' Abdul Wahab Mat Yasin, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Sanitasi ini melibatkan kawasan tumpuan awam iaitu di laluan pintu masuk, pejalan kaki dan kawasan perumahan di sekitar lokasi rekreasi. Operasi ini juga menggunakan bahan kimia yang tidak membahayakan haiwan di dalam zoo. Sepanjang operasi dijalankan seramai 70 orang anggota melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Penerangan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, SWCorp dan Alam Flora.

Menurut Timbalan Menteri, sebanyak 2,284 operasi merangkumi zon merah, zon jingga dan zon kuning meliputi 1,575 bangunan kerajaan, 947 tempat awam, 970 pusat perniagaan, 767 kawasan perumahan dan 183 pasar raya. Tambahan lagi, sebanyak 70 zon di seluruh negara termasuk 41 operasi di Johor, 21 Kelantan dan 20 di Pahang.

Diharapkan agar tiada kes melibatkan haiwan yang dijangkiti COVID-19 di negara ini kerana ia akan memberi kesan buruk kepada manusia jika sebarang jangkitan berlaku. Hal ini juga, Kementerian menasihati orang awam supaya sentiasa menjaga kebersihan diri dan pastikan untuk mensanitasi tangan dengan kerap agar tiada jangkitan berlaku.

